

15 SEP 1998

Shariff - Laporan

BADAN PERHUBUNGAN UMNO AKAN LAPOR KEGIATAN PEMIMPIN DAN ANGGOTA PARTI

PULAU PINANG, 15 Sept (Bernama) -- Badan Perhubungan UMNO Pulau Pinang akan mengemukakan laporan kepada Majlis Tertinggi (MT) mengenai kegiatan pemimpin dan anggota parti, yang bertentangan dengan keputusan MT memecat bekas Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim dari parti itu.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Mohd Shariff Omar hari ini berkata, Badan itu sedang mengumpul maklumat mengenai perkara itu.

Katanya, beliau akan mengadakan perjumpaan dengan semua setiausaha dan ketua-ketua penerangan bahagian Umno negeri Jumaat ini bagi mendapatkan maklumat lanjut.

"Perjumpaan itu juga akan merangka program penerangan ke seluruh negeri, mengenai keputusan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan semua jawatan Anwar dalam kerajaan dan pemecatan Anwar dari parti oleh MT," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Keluarga Bahagia anjuran Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan (MAKSAK) Negeri, di sini.

Beliau menjangka majlis penerangan secara menyeluruh dapat dilaksanakan mulai minggu depan.

Mengenai desakan anggota pergerakan Pemuda Umno negeri semalam, yang meminta Ketua Pegerakan Pemuda, Dr Abdul Rahim Md Ghouse meletakkan jawatan, berikutan penglibatannya dalam beberapa siri ceramah reformasi Anwar, beliau berkata desakan itu memang wajar.

Beliau berkata, pada mesyuarat Pemuda Umno negeri, di Kuala Lumpur baru-baru ini, Abdul Rahim telah menyatakan sokongannya terhadap Perdana Menteri dan keputusan MT, tetapi kini beliau nampaknya menyokong orang yang telah dipecat oleh MT.

Beliau juga menafikan masyarakat di Pulau Pinang menyokong Anwar, berikutan lebih 3,000 orang menghadiri ceramah reformasi Anwar di rumahnya di Cheroke To'Kun Sabtu lepas.

Shariff juga menafikan perbezaan pendapat di kalangan pemimpin parti di negeri ini, menandakan terdapat perpecahan dalam UMNO.

Katanya, apa yang berlaku tidak menimbulkan sebarang masalah untuk menghadapi pilihan raya umum, jika ia diadakan pada bila-bila pun, bukan semua orang terlibat dalam reformasi itu, tetapi hanya beberapa "kepala", yang mempunyai kepentingan tertentu.

Beliau juga menyokong saranan Perdana Menteri supaya Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi meletakkan jawatannya, sebagai tanda akur dengan disiplin parti.

Mengenai kekosongan jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, berikutan pemecatan Anwar dari parti, beliau menyerahkan perkara itu kepada Presiden parti.

-- BERNAMA

ZU RI